

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MINAT TERHADAP TVET TERUS MENINGKAT, SEMAKIN RAMAI PILIH POLITEKNIK - KSU KPT

SUMBER : BERNAMA - 22 JUN 2026

Minat Terhadap TVET Terus Meningkat, Semakin Ramai Pilih Politeknik – KSU KPT

🕒 22/06/2026 04:00 PM



ARAU, 22 Jun (Bernama) -- Minat lepasan sekolah terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terus menunjukkan peningkatan apabila semakin ramai daripada mereka kini dilihat memilih institusi politeknik sebagai laluan melanjutkan pengajian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata perkembangan itu menunjukkan perubahan persepsi masyarakat yang semakin yakin terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan industri dan latihan amali yang ditawarkan politeknik.

"Kali ini ramai memilih politeknik dan kita amat teruja melihat peningkatan itu. Mungkin ada kelebihan di situ apabila pembelajaran di politeknik lebih melibatkan industri, lebih bersifat *hands-on* (amali) dan memberi pendedahan kepada aspek yang diperlukan selepas tamat pengajian.

"Itu antara nilai positif yang kita dapat tawarkan kepada lepasan sekolah," katanya kepada pemberita selepas meninjau pendaftaran pelajar baharu di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), di sini, hari ini.

Aminuddin berkata PTSS sendiri menerima lebih 1,000 pelajar baharu setakat hari pertama pendaftaran bagi sesi kemasukan kali ini dan jumlah itu melebihi sasaran yang ditetapkan.

Sementara itu, beliau berkata bagi memastikan pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan kampus dengan lebih selesa, politeknik di seluruh negara telah membuat persiapan rapi termasuk dari segi penginapan, bilik pengajian dan kemudahan asas.

-- BERNAMA